

03 AUG 2002

SAID-Swaziland/I

SWAZILAND TUAN RUMAH DIALOG ANTARABANGSA SELATAN AFRIKA 2003

LANGKAWI, 3 Ogos (Bernama) -- Swaziland akan menjadi tuan rumah Dialog Antarabangsa Selatan Afrika Global 2003 (SAID).

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Raja Mswati III bersetuju menjadi tuan rumah siri dialog perkongsian pintar akan datang yang akan diadakan pada bulan September.

"Saya berharap dapat menghadirinya kerana saya tidak pernah pergi ke Swaziland dan berpendapat ada agenda yang baik di sana kelak," katanya pada sidang media bersama dengan ketua-ketua negara/kerajaan pada akhir Dialog Antarabangsa Langkawi Global 2002 LID yang berlangsung selama tiga hari di sini.

Dr Mahathir berkata Global 2003 SAID akan meliputi satu lagi sesi perbincangan bermakna kerana ia akan menggabungkan ketua negara/kerajaan serta anggota Parlimen, sektor swasta kakitangan awam dan belia.

"Saya yakin kita akan bertemu lagi di Swaziland," kata Perdana Menteri.

Raja Mswati III adalah antara 18 ketua negara/kerajaan yang menyertai Global 2002 LID yang diilhamkan oleh Dr Mahathir pada 1995.

LID 2002, sebahagian daripada Global 2002, menggabungkan SAID dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID).

Swaziland yang mempunyai keluasan 17,363 km persegi, mempunyai kira-kira 1.1 juta penduduk. Negara itu terletak di selatan Afrika, antara Mozambique dan Afrika Selatan.

Negara itu merdeka pada September 1968.

Mbabane adalah ibu negara manakala Lobamba pula merupakan bandar Diraja dan pusat pentadbiran.

Sumber asli Swaziland, yang tersepit dan dikeliling sebahagian besarnya oleh Afrika Selatan, ialah asbestos, arang batu, tanah liat, janakuasa hidro serta sedikit deposit emas, berlian, batu kuari dan talkum.

-- BERNAMA

MKO MKO LAT